

KHAZANAH SEBAGAI SEBUAH ORGANISASI PEMBELAJARAN

KHAZANAH MENYEDIAKAN PELBAGAI PLATFORM JALINAN KERJA YANG AKTIF BERTUJUAN MENGGALAKKAN PEMBELAJARAN BERTERUSAN DALAM KALANGAN WARGA KERJA DAN PEMEGANG KEPENTINGAN, SERTA MEMBOLEHKAN WUJUDNYA PERTUKARAN PANDANGAN DAN PENGETAHUAN YANG DINAMIK.



The Khazanah Megatrends Forum (KMF) diadakan setiap tahun. Persidangan yang turut menyumbang kepada strategi dan perancangan perniagaan Khazanah, membawakan cerdik pandai dari seluruh dunia untuk dikongsi dengan hadirin daripada sektor perniagaan, kerajaan, akademik dan masyarakat tentang isu kritikal semasa berdasarkan empat perspektif utama: pasaran, firma, masyarakat dan rakyat. Forum ini diadakan untuk kali ke-14 pada tahun 2018 dengan tema *"On Balance: Recalibrating Markets, Firms, Society and People"*.



(Dari kiri ke kanan) Prof. Jomo Kwame Sundaram, Prof. Jayati Ghosh, Dr. Nungsi Ahmad Radhi dan Prof. Ravi Kanbur ketika sesi perbincangan panel tentang "Growth and Development"



Professor Joseph Stiglitz menyampaikan ucapan bertajuk "Striving for Balance in Economics, Politics and Society"



Pengarah animasi, Ronnie del Carmen berkongsi pengalaman tentang "What Makes Movie Real - A Storyteller's Non-Fiction Account of Making Fictional Stories"

KHAZANAH SEBAGAI SEBUAH ORGANISASI PEMBELAJARAN

Khazanah Residency Programme bertujuan membangunkan bakat muda Malaysia dalam bidang seni, media, reka bentuk dan perkhidmatan awam dengan memperlengkapkan mereka dengan pengetahuan, kemahiran dan rangkaian kerja terkini dalam bidang masing-masing. Peserta dalam kalangan bakat muda akan menjalani program-program jangka pendek terpilih seperti residensi (pembangunan kemahiran), fellowship atau kursus-kursus yang dikendalikan oleh institusi-institusi terkemuka seluruh dunia. Program yang ditaja sepenuhnya ini tidak mengikat mana-mana peserta tetapi memerlukan mereka menyumbang semula dalam berbagai bentuk manfaat yang boleh diraih oleh rakyat Malaysia selepas program berakhir. Sehingga kini, 27 bakat muda tempatan mendapat manfaat daripada program ini termasuk 12 wartawan, empat orang arkitek, empat artis, lima kakitangan Khazanah dan GLC serta dua orang kakitangan awam.



Haffendi Anuar, seorang artis tajaan Khazanah mengikuti Program Residensi Seni di Acme Studios, London



Para peserta program Wolfson Press Fellowship bergambar dengan Professor John Naughton (kanan sekali) dan Michelle Searle (kiri sekali) di Wolfson College, University of Cambridge

Tea Talk merupakan acara tradisi Khazanah yang dianjurkan sejak tahun 2005 yang mana penceramah dari pelbagai latar belakang dijemput untuk memberikan ceramah kepada kakitangan Khazanah meliputi topik yang diminati daripada prestasi pasaran hinggalah kepada penjagaan kesihatan, kewangan korporat, alam sekitar dan keusahawanan. Antara penceramah dijemput sehingga kini termasuklah: Sir Bob Geldof, Tan Sri Michelle Yeoh, Johan Cruyff, Jeff Immelt, Frank Gardner, Profesor Sir Michael Barber dan Profesor KS Jomo.



Pusat Sumber Khazanah memiliki koleksi bahan bacaan perniagaan yang lengkap serta menyediakan sumber maklumat dan pangkalan data terkini. Ia juga mengumpul berita dan mengemas kini maklumat yang berkaitan dengan perniagaan.

